

Tun M, Muhyiddin diarah fail pembelaan

Oleh NORLIZAH ABAS

utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Dua bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin serta tiga pihak lain diarah oleh Mahkamah Tinggi di sini memfailkan pernyataan pembelaan berkaitan saman seorang individu, selewat-lewatnya pada 28 Februari ini.

Saman itu difailkan oleh Mohd. Hatta Sanuri, 47, terhadap kelima-lima defendan berhubung dakwaan menyalahgunakan jawatan awam dan cuai berhubung penamatan Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR).

Selain Dr. Mahathir dan Muhyiddin, turut dinamakan sebagai defendan ialah bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, bekas Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong dan kerajaan.

Peguam Mohaji Selamat yang mewakili Mohd. Hatta selaku plaintif berkata, mahkamah juga mengarah-

kan anak guamnya memfailkan jawapan kepada pernyataan pembelaan pada 28 Mac ini.

“Pengurusan kes selanjutnya ditetapkan pada 30 Mac ini,” katanya kepada wakil media selepas pengurusan kes di hadapan Penolong Kanan Pendaftar Nur Shasha Hidayah Nor Azahar secara dalam talian semalam.

Tindakan saman itu difailkan Mohd. Hatta pada 30 Disember 2022, mewakili dirinya dan lebih 32 juta rakyat Malaysia yang terkesan dan kecewa dengan pembaziran yang telah dilakukan oleh kesemua defendan.

Dalam pernyataan tuntutan, Mohd. Hatta selaku plaintif mendakwa Dr. Mahathir yang ketika itu Perdana Menteri ketujuh telah melakukan kecuai dan menyalahguna jawatan awam apabila mengambil keputusan menangguhkan projek HSR, menyebabkan kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia perlu membayar pampasan kepada Kerajaan Singapura hampir RM46 juta.